



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA MERASMIKAN PROGRAM PEMANTAPAN KERJAYA BAGI MELATIH MASYARAKAT INDIA MENJANA PENDAPATAN MELALUI PROGRAM INTRA-NICHE ARTISAN BATIK

4 Januari 2021, BANDAR PENAWAR JOHOR – Kementerian Perpaduan Negara hari ini merasmikan Program Pemantapan Kerjaya Artisan Batik, **sebuah program pembangunan kemahiran penghasilan batik dalam kalangan masyarakat India Malaysia di bawah seliaan Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA)** di Bandar Penawar, Johor Darul Takzim.

2. Program ini akan melatih seramai **180 orang belia India daripada kategori B40 dan M40 yang kehilangan pekerjaan akibat wabak COVID-19** dalam penghasilan produk batik untuk menjana pendapatan selain menyumbang terhadap kemajuan industri batik tempatan.

3. Program latihan ini akan berlangsung **selama dua (2) minggu** dari 4 Januari 2021 hingga 19 Januari 2021 melalui kaedah bersemuka dan juga secara atas talian. Kementerian turut memastikan pelaksanaan program latihan ini adalah mengikut SOP Perintah Kawalan Pergerakan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam usaha memutuskan rantai COVID-19.

4. Kementerian Perpaduan Negara akan terus mempergiatkan usaha membantu masyarakat India di Negara ini khususnya kumpulan B40 melalui pelbagai program di bawah tiga bidang utama iaitu pembangunan modal insan, keusahawanan dan kesejahteraan sosial dalam memastikan sosio-ekonomi masyarakat India di Malaysia akan terus maju dan berkembang.

Kementerian Perpaduan Negara

4 Januari 2021

-TAMAT-

Mengenai Kementerian Perpaduan Negara:

Kementerian Perpaduan Negara ditubuhkan pada 10 Mac 2020 di bawah kepimpinan Kerajaan Perikatan Nasional. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia.

Pertanyaan media:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Perpaduan Negara

Tel +603 8091 8041

Fax +603 8888 8568 / 569

E-mail : pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-2/1/4 (38)